

Hari Keluarga PPKAS

Nor Innar Md. Nor (Penolong Pendaftar)

Tanggal 19 Julai 2008 telah diadakan hari keluarga PPKAS di The Carnival, Cinta Sayang Golf & Country Resort Sungai Petani. Hari Keluarga ini dianjurkan oleh Kelab Kakitangan PPKAS yang diterajui oleh En. Umar Kassim bersama ahli-ahli jawatankuasa yang lain. Banyak aktiviti yang telah disusun bagi memenuhi hari keluarga ini. Antara aktiviti yang dimuatkan ialah sesi perasmian oleh Dekan, Dr. Khairul Nizar Ismail. Di samping itu majlis turut diserikan dengan aktiviti yang diatur oleh pihak The Carnival antaranya peraduan mewarna. Menariknya peraduan ini bukan sahaja disertai oleh kanak-kanak tetapi juga staf PPKAS turut tidak terkecuali dalam menunjukkan bakat masing-masing.

Permainan lain yang turut diadakan adalah seperti telematch game seperti 'water coaster race', 'Gunny Sack Race', 'Wild River Race' dan 'Gunny Sack Race'. Aktiviti di The Carnival ini berakhir pada sebelah petang dengan majlis makan barbekue. Pelbagai jenis makanan dan resepi yang disediakan. Antaranya sate, udang bakar, daging bakar, laksa, nasi goreng dan beraneka lagi.

